



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Pemohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/11/2021

- 1 a) **Jawatan:** Penolong Pegawai Penilaian Gred W29
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Kewangan
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pelaksana
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Penilaian Dan Pencukaian

2. Jadual Gaji Penolong Pegawai Penilaian Gred W29:-

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
RM 1,498.00	RM 5,678.00

3. Skop Tugas Utama

- a) Memastikan kerja-kerja ukurperiksa dan penilaian hartanah dijalankan dengan betul.
- b) Mengenalpasti lokaliti untuk ukurperiksa bagi hartanah yang belum diukurperiksa atau ukurperiksa semula.
- c) Memantau projek yang sedang dalam pembinaan untuk dibuat penilaian.
- d) Menyemak dan membuat nilai ke atas laporan penilaian yang dibuat oleh Pembantu Penilaian.
- e) Memastikan nilai mengaplikasikan URV yang betul mengikut jenis pegangan.
- f) Menyediakan penilaian untuk hartanah kerajaan bagi maksud sumbangan membantu kadar.
- g) Menyediakan dokumen yang berkaitan dan membuat tuntutan ke KPKT untuk sumbangan membantu kadar.
- h) Membuat nilai dan merekod di dalam sistem.
- i) Kemaskini maklumat dalam sistem ILAIS.
- j) Menyelia urusan pencukaian..
- k) Membuat tuntutan dan pemantauan pembayaran ke atas cukai taksiran dan tunggakan.
- l) Menyelaraskan susunatur Pindaan Senarai Nilai.

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) **Sijil Pengurusan Harta Tanah** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
[Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92] atau
- d) **Sijil Penilaian Harta Tanah** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92] atau

- e) **Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Tanah atau Pengurusan Harta Benda** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,851.28]

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Taraf Jawatan : Kontrak

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Dewan Bandaraya Kuching Utara

Tingkat 3, Bangunan DBKU

Bukit Siol, Jalan Semariang

Petra Jaya, 93050 Kuching

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Tarikh Akhir Permohonan: 09 November 2021

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.